

SIMPULAN BAHASA

BAHAGIAN A

Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah.

- 1 Ravendran membuka _____ apabila seekor anjing menyalak lalu mengejarnya.
A langkah seribu
B langkah kanan
C langkah kiri
D langkah lari

- 2 Nasrul menghadiahi ibunya sebuah beg tangan berjenama setelah mendapat _____ pada minggu lalu.
A akal kancil
B durian runtuh
C paku belanda
D telinga lintah

- 3 Budak yang _____ itu cepat berang apabila ada orang yang bercakap tentang dirinya.
A telinga nipis
B telinga kuali
C telinga lintah
D telinga tempayan

- 4 Peniaga _____ itu sentiasa mencengkam kehidupan orang di kampungnya.
A telinga lintah
B lintah darat
C mandi peluh
D tangkai jering

- 5 Azman hanya _____, sedangkan orang ramai bertungkus-lumus menyelamatkan mangsa tanah runtuh itu.
- A bermuka dua
 - B berpeluk tubuh
 - C bersengkang mata
 - D bergadai nyawa
- 6 Asmida dan Liyana _____ ketika menonton filem komedi di pawagam.
- A pecah perut
 - B goyang kaki
 - C patah kemudi
 - D tajam akal
- 7 Adam _____ apabila tidak terpilih sebagai ketua pasukan bola sepak sekolahnya.
- A ada hati
 - B buah hati
 - C buta hati
 - D jauh hati
- 8 Tudung yang dijual di butik Fareeda itu cantik–cantik menyebabkan Fazlina _____.
- A mata air
 - B sakit mata
 - C mata angin
 - D rambang mata
- 9 Butik itu menawarkan _____ hingga menyebabkan banyak pelanggan tidak mahu membeli pakaian di butik tersebut.
- A harga pokok
 - B harga mati
 - C hisap darah

D lintah darat

- 10 Pak Samad _____ mengusahakan kebun di belakang rumahnya.
- A** bermandi peluh
 - B** berputih tulang
 - C** bertegang urat
 - D** berbesar hati

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong.

- 11 Negara kita akan maju dan damai sekiranya wujud perpaduan antara rakyat, bak kata pepatah _____.
- A** antan patah lesung hilang
 - B** bersatu teguh, bercerai roboh
 - C** berdiri sama tinggi, duduk sama rendah
 - D** sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- 12 Puan Aminah kecewa kerana anak yang selama ini disayangi dan dijaga _____ akhirnya melukakan hatinya.
- A** bagai isi dengan kuku
 - B** bagai bulan dipagari bintang
 - C** bagai si kudung mendapat cincin
 - D** bagai menatang minyak yang penuh



- 13 Kedua-dua mempelai itu sama cantik dan sama padan _____.
- A seperti anjing dengan kucing
 - B seperti pinang dibelah dua
 - C seperti langit dengan bumi
 - D seperti isi dengan kuku
- 14 Pergaduhan antara Jefry dengan abangnya tidak akan berpanjangan kerana _____.
- A tiada rotan akar pun berguna
 - B air dicencang tidak akan putus
 - C nasi sudah menjadi bubur
 - D ada udang di sebalik batu
- 15 Dia suka membeli barang-barang yang berjenama dan mahal harganya, maklumlah _____.
- A makan hati berulam jantung
 - B sudah jatuh ditimpa tangga
 - C beringat-ingat sebelum kena
 - D besar periuk, besarliah keraknya

- 16 Hakimi tercengang-cengang _____ sebaik sahaja kapal terbang yang dinaikinya mendarat di lapangan terbang Tokyo.
- A seperti rusa masuk kampung
 - B seperti burung dalam sangkar
 - C seperti ayam kehilangan anak
 - D seperti anjing menyalak bukit
- 17 Nasihat ibunya _____ kerana tidak diikutinya.
- A seperti katak di bawah tempurung
 - B seperti kancil dengan harimau
 - C seperti tikus membaiki labu
 - D seperti hujan jatuh ke pasir
- 18 Penduduk di Kampung Aman itu hidup saling membantu _____.
- A seperti isi dengan kuku
 - B seperti kerbau dicucuk hidung
 - C seperti enau dalam belukar
 - D seperti aur dengan tebing
- 19 Kita hendaklah melakukan sesuatu pekerjaan sehingga selesai.
- A alah bisa tegal biasa
 - B alang-alang mandi biar basah
 - C berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
 - D bagai tikus membaiki labu
- 20 Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kita tidak seharusnya mementingkan diri _____.
- A seperti si buta kehilangan tongkat
 - B seperti anjing dengan kucing
 - C seperti anjing dengan bayang-bayang
 - D seperti enau dalam belukar